



Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud dan anakanda baginda, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ke Olek Adat Lingkungan Istana Besar Seri Menanti serta Perasmian Kelab Adat Perpatih menunjukkan Adat Perpatih turut mendapat sokongan Keluarga Diraja.

# Tingkat pemahaman generasi muda selami budaya, warisan

Dari Muka 22

Beliau berkata, tidak dinafikan kefahaman Adat Perpatih dalam kalangan golongan muda amat dengkel dan hakisan ketidakfahaman ini sangat membimbangkan.

“Untuk memastikan kesinambungannya, golongan muda perlu didedahkan dengan adat ini menerusi bimbingan dan kefahaman serta amalan dalam kehidupan harian.

“Antara usaha itu termasuk memberikan galakan kepada sekolah mewujudkan Kelab Adat Perpatih supaya warisan, sejarah dan adat ini dapat terus bergerak ke hadapan dalam membangunkan minda generasi muda yang seimbang.

“Usaha ini dilakukan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS), Persatuan Sejarah Malaysia Negeri Sembilan (PSMNS) dan kepimpinan Luak,” katanya.

Aminuddin berkata, terdapat keseluruhan 20 Luak di Negeri Sembilan (termasuk di bawah naungan Luak berundang dan Wilayah Tunku Besar Tampin)

dan usaha sentiasa dibuat bagi memperkukuhkan Luak ini menerusi pengamalan harian.

Menurutnya, kerajaan Negeri Sembilan akan terus membantu menerusi peruntukan khusus terhadap usaha memperkasakan Adat Perpatih.

“Kita berharap segala usaha dilakukan dapat memastikan adat yang sudah bertapak sekitar 700 tahun ini kekal subur diamalkan masyarakat negeri ini dan dapat diwarisi generasi akan datang,” katanya.

### Laksana pelbagai strategi

Beliau juga berkata, usaha membangun dan memperkasakan Adat Perpatih tidak terhenti setakat itu sahaja, sebaliknya kerajaan negeri juga sudah merancang untuk membentangkan Enakmen Tanah Adat Negeri Sembilan (Luak Tanah Mengandung dan Adat Lingkungan) dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan datang.

Katanya, kerajaan Pakatan Harapan (PH) Negeri Sembilan berhasrat membangunkan Tanah Adat yang terbiar supaya dapat memberi manfaat kepada ‘suku’

masing-masing.

“Saya percaya enakmen ini akan diluluskan dalam Persidangan DUN akan datang. Saya mahu Tanah Adat yang terbiar di negeri ini dapat dimajukan bukan untuk kepentingan kerajaan negeri tetapi untuk kepentingan ‘suku’ mereka sendiri terutama aspek ekonomi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau juga berkata, kerajaan negeri sudah merancang untuk menganjurkan Adat Fest 2022 tidak lama lagi, bagi mempromosi keunikan sistem Adat Perpatih kepada generasi baharu pencinta Adat masyarakat luar.

Menurutnya, perkara berkenaan sudah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan, baru-baru ini.

“Seperti penganjuran NS Fest, kita akan anjurkan Adat Fest dengan menampilkan keunikan sistem adat di setiap daerah seperti Rembau, Johol dan Jelebu.

“Selain itu kita juga akan mempromosi makanan dan permainan tradisi dari setiap daerah di Negeri Sembilan dalam Adat Fest ini,” katanya.



Golongan wanita muda turut serta dalam Majlis Istiadat Kerjan pemimpin dengan mengenakan telepok di kepala serta membawa tepak sirih, sirih junjung dan juga pancho.



### Fakta Adat Perpatih

- Berasal dari Minangkabau, Sumatera.
- Diasaskan pemimpin Minang, Sutan Balun yang bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang.
- Dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) oleh perantau ke pada abad 14 Masihi.
- Masih diamalkan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan sebahagian di Melaka terutamanya Masjid Tanah.
- Majoriti mereka adalah keturunan Melayu Minangkabau.
- Masyarakat Adat Perpatih ada 12 suku iaitu Anak Aceh, Anak Melaka, Batu Belang, Batu Hampar, Biduanda, Paya Kumbuh, Seri Lemak, Seri Melenggang, Tanah Datar, Tiga Batu dan Tiga Nenek.
- Bercorak matrilineal yang mengambil garis suku keturunan dari sebelah ibu berbeza dengan adat Temenggong yang menitikberatkan keturunan sebelah bapa.

### Info

Lembaga Muzium Negeri Sembilan sentiasa menganjurkan aktiviti Adat, budaya, olek Luak, keilmuan dan tanda kebesaran Luak yang membabitkan peruntukan lebih RM5 juta sejak 2019.



Tudung saji lengkap dengan tudung hidang, tilam pandak, tikar rompok dan tepak sirih adalah peralatan sering digunakan dalam Adat Perpatih.